

# NUTP juga mahu umur

UM 18 DEC 2002

Oleh  
RAJMAH HASAN SHIRAT

**K**UALA LUMPUR 17 Dis. — Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) tidak mahu penolakan syor melanjutkan umur persaraan kakitangan awam kepada 58 tahun melibatkan sektor perguruan.

Presidennya, Tengku Habsah Tengku Petra berkata ini kerana sekolah masih menghadapi masa-

lah kekurangan guru bagi beberapa mata pelajaran kritikal seperti bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

“Kita masih menghadapi masalah dan paling ketara di sekolah luar bandar. Jika umur persaraan guru dilanjutkan kepada 58 tahun, saya percaya masalah ini dapat dikurangkan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad men-

gumkan bahawa kerajaan tidak sanggup melaksanakan cadangan supaya had umur persaraan bagi pekerja sektor awam dilanjutkan kepada 58 tahun berbanding 56 tahun kerana terpaksa menanggung perbelanjaan tinggi.

Cadangan tersebut diusulkan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan dikemukakan kepada kerajaan tidak lama lagi.

Antara lain cadangan dikemukakan kerana wujud kecenderungan di kalangan kakitangan awam untuk berkhidmat lebih lama dan masih ramai yang mampu memberikan perkhidmatan yang baik serta produktif.

Habsah berkata, ekoran kekurangan itu, terdapat sekolah melanjutkan khidmat guru mata pelajaran berkenaan yang telah bersara untuk tempoh tertentu.

Mengulas mengenai ta-

## bersara 58 tahun

nggungan yang terpaksa dihadapi kerajaan, Tengku Habsah mengakui risiko beban membiayai kos pelaksanaan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan harus melewatkan keutamaan dalam sektor pendidikan yang merupakan teras kepada pembangunan negara.

“Kita faham kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan tinggi tetapi kita pun tidak sanggup kehilangan tenaga pakar dalam bidang-bidang yang

kritikal. Kerajaan harus melihat prospek ‘pelaburan’ ini bagi tempoh jangka masa panjang dengan tidak hanya memikirkan tentang kerugian semata-mata,” katanya.

Beliau menjelaskan, lebih baik umur persaraan guru berpengalaman dan berkemahiran mengajar mata pelajaran kritikal dilanjutkan daripada terpaksa mengeluarkan banyak perbelanjaan melatih guru-guru baru.

Menurutnya, berdasar-

kan jangka hayat penduduk yang semakin meningkat berikutan kemajuan dalam bidang perubatan ketika ini, Habsah memberitahu, purata had umur persaraan bagi kakitangan awam di kebanyakan negara adalah 60 tahun.

“Sebagai contoh, Singapura menetapkan had umur persaraan kakitangan awam pada umur 60 tahun manakala di Indonesia pula ialah 65 tahun,” katanya.